

TIPIDIN 250mg Tablets

Ticlopidine Hydrochloride 250mg

Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan Tipidin 250mg Tablets
- Bagaimana Tipidin 250mg Tablets berfungsi
- Sebelum mengambil Tipidin 250mg Tablets
- Cara menggunakan Tipidin 250mg Tablets
- Semasa menggunakan Tipidin 250mg Tablets
- Kesan-sesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan Tipidin 250mg Tablets
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Pemegang Pendaftaran Produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tipidin 250mg Tablets

Tipidin 250mg Tablets digunakan untuk mengurangkan risiko strok di kalangan mereka yang telah mengalami strok atau mempunyai tanda-tanda amaran strok dan yang tidak boleh dirawat dengan aspirin. Tipidin juga digunakan bersama-sama dengan aspirin untuk mengelakkan pembekuan darah daripada terbentuk di stent koronari (tiub logam pembedahan diletakkan di dalam saluran darah tersumbat untuk memperbaiki aliran darah).

Bagaimana Tipidin 250mg Tablets berfungsi

Ticlopidine Hydrochloride, ramuan aktif dalam Tipidin, berasal dari kumpulan ubat yang dipanggil anti-platelet. Ia berfungsi untuk menghalang platelet (sejenis sel darah) daripada mengutip dan membentuk gumpalan.

Sebelum mengambil Tipidin 250mg Tablets

- Bila tidak boleh mengambil

- beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit hati, gangguan pendarahan, pendarahan ulser, rendah bilangan sel darah (neutropenia, thrombocytopenia, pucat, TTP), penyakit buah pinggang, kolesterol darah tinggi, atau lemak darah tinggi (triglycerida).
- beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Jika anda mengandung semasa mengambil ticlopidine, hubungi doktor anda.
- berbincang dengan doktor anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ticlopidine jika anda berumur 65 tahun atau lebih tua. Orang yang lebih tua seharusnya tidak biasanya mengambil ticlopidine kerana ia tidak selamat atau berkesan sebagai ubat-ubatan lain yang boleh digunakan untuk merawat keadaan yang sama.
- jika anda menghadapi pembedahan termasuk pembedahan pergigian, beritahu doktor atau doktor gigi bahawa anda mengambil ticlopidine. Doktor anda boleh memberitahu anda untuk berhenti mengambil ticlopidine 10 hingga 14 hari sebelum prosedur anda. Ikuti arahan.

- Sebelum mula mengambil Ticlopidine harus digunakan dengan berhati-hati dalam pesakit yang mungkin berisiko pendarahan meningkat daripada pembedahan trauma, atau cabutan gigi.
- Jika mengambil ubat-ubat lain Beritahu doktor dan ahli farmasi anda apa ubat preskripsi dan ubat bukan preskripsi, vitamin, ubat suplemen dan produk

herba yang anda mengambil atau bercadang untuk mengambil.

Pastikan anda menyebut mana-mana daripada yang berikut: Antasid, anticoagulants ('darah pencair') seperti warfarin (Coumadin), aspirin, cimetidine (Tagamet), clopidogrel (Plavix), digoxin (Lanoxin), dan teofillin. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat atau memantau anda dengan berhati-hati untuk kesan sampingan.

Jika anda juga mengambil antasid (Maalox, Mylanta), ambilkannya 1 jam sebelum atau 2 jam selepas mengambil ticlopidine.

Cara menggunakan Tipidin 250mg Tablets

- Berapa banyak harus diambil Dos biasa adalah satu tablet dua kali sehari dengan makanan.
- Bila perlu diambil Selalu ambil tablet seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Dos tersebut akan dipamerkan pada label ubat. Periksa label ubat dengan teliti. Ia sepatutnya memberitahu berapa banyak tablet yang anda patut ambil, dan berapa kerap untuk diambil. Jika anda tidak pasti, tanya doctor atau ahli farmasi anda.
- Berapa lama perlu diambil Sentiasa ambil ubat anda seberapa lama yang anda telah diberitahu kecuali anda mengalami sebarang masalah. Untuk kes ini, periksa dengan doktor anda.
- Jika terlupa mengambil Jika anda terlupa mengambil satu dos, jangan risau. Ambil dos tersebut sebaik saja anda mengingatnya dan teruskan seperti biasa. Jika anda tidak mengambil tablet anda untuk satu hari, ambil dos biasa anda pada hari seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk

TIPIDIN 250mg Tablets

Ticlopidine Hydrochloride 250mg

menggantikan dos yang telah dilupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda tidak sengaja mengambil dos yang berlebihan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda, atau hospital yang berdekatan dengan segera.

Semasa menggunakan Tipidin 250mg Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

Adalah mustahak untuk anda menyimpan senarai ubat-ubat preskripsi dan bukan preskripsi yang anda sedang mengambil, termasuk vitamin, mineral atau ubat supplemen yang lain. Anda patut bawa senarai ini dengan anda setiap kali anda jumpa doktor anda atau jika anda masuk hospital. Ia juga merupai maklumat penting untuk dibawa bersama anda jika berlaku kecemasan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan bagi ubat anda kepada orang lain. Tanya ahli farmasi anda sebarang pertanyaan mengenai ulangan preskripsi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ticlopidine mengelakkan darah daripada beku, oleh itu ia mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada biasa untuk anda henti berdarah jika anda terluka atau cedera. Elakkan aktiviti yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kecederaan. Panggil doktor anda jika pendarahan anda luar biasa.

Kesan-sesan sampingan

Ticlopidine mungkin menyebabkan kesan sampingan. Beritahu doktor anda jika simptom-simptom berikut adalah serius dan tidak hilang:

- Loya
- Cirit-birit
- Muntah
- Sakit perut
- Kehilangan selera
- Angin
- Sakit kepala
- Kegatalan

Sesetengah kesan sampingan boleh menjadi serius. Jika anda mengalami mana-mana simptom di bawah, atau tidak disenaraikan di sini, sila beritahu doktor anda dengan segera:

- Demam, sakit kerongkong, atau simptom infeksi lain
- Pendarahan luar biasa atau lebam
- Najis yang berwarna cerah
- Ruam kulit

Ticlopidine mungkin menyebabkan kesan sampingan lain. Panggil doktor anda jika anda mempunyai masalah yang luar biasa semasa mengambil ubat ini.

Cara penyimpanan dan pelupusan Tipidin 250mg Tablets

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C.

Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya. Pulang tablet yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan tablet jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tipidin 250mg Tablets berwarna putih, bersalut, berbentuk bulat dan convex, 10mm diameter.
- Bahan-bahan kandungan

Ramuan aktif
Ticlopidine Hydrochloride
250mg

Bahan-bahan tidak aktif
Microcrystalline cellulose,
Povidone 30, Citric acid
Monohydrate, Sodium Starch
Glycolate, Magnesium Stearate

- Nombor MAL
MAL20031931A

Pengilang

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.,
#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building
No.2 Chia Ping Road,
Singapore 619968.

Pemegang Pendaftaran Produk

Ascent Pharmahealth Malaysia Sdn Bhd
Unit 304, Level 3, Uptown 2, 2 Jalan SS21/37, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

09-2011